

# Perwila lancar novel 'Peluru Cinta Victoria'

NST 17/10/2011 4

LABUAN: Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (Perwila) berjaya melancarkan buku novel terbaru nukilan Resmanshah Indrat yang berjudul 'Peluru Cinta Victoria' yang telah diadakan di Bilik Eksekutif, Tingkat 11, Bangunan Manara Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Majlis Pelancaran buku itu disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara, Datuk Haji Yunus Haji Kurus.

Hadir sama, Ketua 1 Perwila, Dr Harun Pudin, Bendahari Perwila, Othman Mahali dan Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS-KAL, Siti Khatijah Johari serta penulis novel, Resmanshah Indrat.

Ketika berucap di majlis itu, Haji Yunus yang juga Pengerusi Penasihat Perbadanan Labuan berkata, Perwila telah banyak menggerakkan aktiviti bahasa, sastera dan budaya sekaligus

telah memberi impak yang positif kepada masyarakat Labuan khususnya generasi muda.

"Melalui Perwila, mereka terutama lepasan sekolah akan dapat meneruskan bakat menulis, berteatr dan berlakon serta deklamasi puisi," katanya.

Justeru itu, beliau mahu Perwila akan lebih aktif melaksanakan kegiatan yang berbentuk penulisan seperti peraduan menulis cerita pendek, cerita kanak-kanak, sejarah, sajak, pantun dan novel di samping menggiatkan pementasan teater di kampung-kampung di Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis itu diserikan dengan bicara buku oleh Dr Harun dan Resmanshah manakala Siti Khatijah sebagai moderator yang turut dihadiri pelajar UMS-KAL dan ahli-ahli Perwila. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)



NOVEL .... Yunus (depan, tiga kanan), Dr Harun (dua kanan) dan Siti Khatijah (tiga kiri) bersama penulis novel 'Peluru Cinta Victoria'.